

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**
[PADANG BESAR]

TARIKH : **23 OKTOBER 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah permohonan yang telah berjaya bagi Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan nyatakan jumlah pemohon MM2H mengikut warganegara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia sejak tahun 2002 untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan, dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang Kali untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui.

Sejak Program MM2H dilancarkan pada tahun 2002 sehingga November 2018, sejumlah 43,466 permohonan warganegara asing dari

NO. SOALAN: 22

131 buah negara telah diluluskan. Perincian peserta MM2H bagi 10 negara teratas dan lain-lain warganegara adalah seperti berikut:

BIL.	WARGANEGARA	JUMLAH KELULUSAN
1.	China	13,892
2.	Jepun	4,882
3.	Bangladesh	4,187
4.	United Kingdom	2,729
5.	Republik Korea	2,568
6.	Singapura	1,492
7.	Taiwan	1,428
8.	Iran	1,411
9.	Hong Kong	1,087
10.	India	1,077
11.	Lain-lain	9,190
JUMLAH KESELURUHAN		43,943

Sekian, terima kasih.